

D954

U B 0 2 6 A A B  
HAHATHIR - PEHELIHARAAN

1

SUBANG, 1 2 JUN (BERNAMA) DATUK SERI DR HAHATHIR MOHAMAD HARI  
INI BERKATA BAHAWA NEGARA-NEGARA MAJU YANG KAYA PERLU HENYOKONG  
USAHA HEHELIHARA BIOKEPELBAGAIAN (BIODIVERSITY) DI NEGARA-NEGARA  
SEDANG MEMBANGUN DENGAN TIDAK HENGENAKAN BEBAN HALANGAN.

+WALAUPUN KITA TIDAK BERHASRAT HEHUSNAHKAN BIOKEPELBAGAIAN,  
PERLU DIINGAT BAHAWA KOS UNTUK HEHELIHARANYA AMAT TINGGI, + KATA  
PERDANA HENTERI KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA HENGENAI  
PEHELIHARAAN BIOKEPELBAGAIAN TROPIKA DI SINI.

SATU CARA HESTI DICARI UNTUK HEHELIHARANYA TANFA HENYEBABKAN  
PEMBANGUNAN DI NEGARA-NEGARA MISKIN TERBANTUT, KATANYA SAHBIL  
MENAMBAH BAHAWA PEHELIHARAAN BIOKEPELBAGAIAN HERUPAKAN SATU HASALAH  
DUNIA.

SAMBIL HENGAHBIL CONTOH PROJEK EHPANGAN BAKUN, DATUK SERI DR  
MAHATHIR BERKATA KERAJAAN BERSEEDIA HEHBATALKAN PELAKSANAAN PROJEK  
ITU SEMATA-MATA UNTUK HEHELIHARA ALAM SEKITAR WALAUPUN PROJEK ITU  
MAHPU HENYEDIKAN BEKALAN ELEKTRIK YANG HURAH BAGI SELURUH NEGARA.

EMPANGAN ITU MAMPU HENJANAKAN 3,000 MEGAWATT BEKALAN ELEKTRIK  
IAITU JUMLAH BEKALAN ELEKTRIK YANG DIGUNAKAN DI NEGARA INI PADA MASA  
INI. - - LAGI.

1428MST 12 06 90

D955

U 8 0 2 7 A A B  
HAHATHIR - PEMELIHARAAN 2 SUBANG

+KITA SANGGUP HEHBATALKAN PROJEK ITU YANG KOS MENJANAKANNYA  
BERHARGA SATU SEN SEUNIT DAN SEKIRANYA DIGUNAKAN DI SEHENANJUNG  
MALAYSIA IA AKAN BERHARGA TUJUH SEN SEUNIT, + KATANYA.

KEPUTUSAN HEHBATALKAN PROJEK ITU BERMAKNA RAKYAT TERPAKSA TERUS  
HEHBAYAR BEKALAN ELEKTRIK PADA KADAR ANTARA 17 HINGGA 24 SEN SEUNIT  
SEPERTI YANG DIKENAKAN OLEH LEHBAGA LETRIK NEGARA, KATANYA.

+APABILA KITA BERKATA BAHAWA KITA AKAN HEHBATALKAN PROJEK ITU,  
KITA HEHBAYAR KOS YANG TINGGI BAGINYA DAN MALAYSIA BUKANLAH SEBUAH  
NEGARA YANG KAYA.

+NEGARA-NEGARA HAJU MUNGKIN TIDAK MERASAKAN KESANNYA TETAPI BAGI  
SEBUAH NEGARA SEDANG HEHBANGUN IA MENIMBULKAN BEBAN YANG BERAT  
KEPADA KITA.

+INI HERUPAKAN SATU PENGORBANAN DAN KITA BERHARAP USAHA KITA  
UNTUK HEHELIHARA ALAM SEKITARA KAN DIHARGAI, + KATA DATUK SERI DR  
HAHATHIR. - - LAGI.

1429HST 12 06 90

D962

U 8031 DEB  
MAHATHIR \* PEMELIHARAAN 3 SUBANG

BELIAU BERKATA HUTAN KEKAL DI NEGARA INI BERJUMLAH 12.74 JUTA HEKTAR DAN 29 PERATUS DARIPADANYA DIPELIHARA ATAU DIKEKALKAN SEBAGAI HUTAN SIMPANAN.

KETIKA BERCAKAP DENGAN PEMBERITA KEMUDIAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA LANGKAH MEMBATALKAN PROJEK BAKUN ITU BUKAN SAHAJA UNTUK KEPENTINGAN NEGARA TETAPI JUGA MERUPAKAN SUMBANGAN MALAYSIA KEPADA PEMELIHARAAN EKOLOGI DAN ALAM SEKITAR DUNIA.

+PATUTLAH NEGARA-NEGARA LAIN JUGA, JIKAPUN TIDAK MENOLONG MEMBANTU KITA, TIDAK MEMBUAT PERKARA-PERKARA YANG MERUGIKAN KITA.

+SUDAHLAH KITA RUGI KERANA TIDAK DAPAT MEMBANGUNKAN PROJEK HIDRO-ELEKTRIK BAKUN, KITA SEKARANG INI RUGI PULA DARI SEGI PENJUALAN KAYU BALAK.

+NEGARA LAIN KATA KITA HARUS KEKALKAN HUTAN KITA, INI BERMAKNA KITA TIDAK BOLEH MENGGUNAKAN HUTAN UNTUK PROJEK YANG MENDATANGKAN HASIL, JADI INI SATU KOS KEPADA KITA. KALAU KITA DIPAKSA MEMBAYAR KOS INI, NEGARA-NEGARA MAJU SEKURANG-KURANGNYA TIDAK HARUS MENGENAKAN TEKANAN LAIN KE ATAS KITA, + KATANYA. -- LAGI.

1450MST 12 06 90

r

D965

U B033 DEB  
MAHATHIR \* PEMELIHARAAN 4 SUBANG

+KITA MUNGKIN ADA ALTERNATIF LAIN UNTUK GANTI TAPI KOSNYA AKAN TINGGI DAN KITA TIDAK MAMPU BELANJA'KOS YANG TINGGI. MUNGKIN KITA DAPAT BALIK APA YANG KITA KORBANKAN ITU AMAT KECIL.

+KITA MUNGKIN TIDAK DAPAT SEHINGGA 3,000 MEGAWATT SEPERTIMANA KUASA YANG BOLEH DIKELUARKAN OLEH PROJEK INI. SEBENARNYA DI SARAWAK, POTENSI HIDRO ELEKTRIK IALAH 80,000 MEGAWATT CUKUP UNTUK MEMBEKALKAN ELEKTRIK KEPADA SELURUH UNITED KINGDOM, + KATANYA.

PERSIDANGAN ITU DIANJURKAN OLEH PERSATUAN PENCINTA ALAM SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA PERAYAAN ULANG TAHUNNYA KE-50 DAN KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR. -- BERNAMA.

1455MST 12 06 90